



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI



# PELAN PEMFORMALAN USAHAWAN INFORMAL

## **PELAN PEMFORMALAN USAHAWAN INFORMAL**

© Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

### **Hak Cipta Terpelihara**

Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia

### **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 Putrajaya, Malaysia



# Kandungan

<b>Ringkasan Eksekutif</b>	6	<b>Bab 2</b>	22	<b>Bab 4</b>	40
<b>Bab 1</b>	8	<b>Kategori Usahawan Informal Di Malaysia</b>		<b>Peralihan daripada Usahawan Informal kepada Usahawan Formal</b>	
<b>Pengenalan Keusahawanan Sektor Informal</b>		<b>2.1</b> Pengkategorian Usahawan Informal	23	<b>4.1</b> Gambaran Keseluruhan Pelan Pemformalan Usahawan Informal	41
<b>1.1</b> Landskap Keusahawanan di Malaysia	9	<b>2.2</b> Kategori Usahawan Informal	24	<b>4.2</b> Kerangka Strategik Pemformalan	42
<b>1.2</b> Definisi Keusahawanan Informal	11	<b>Bab 3</b>	28	<b>4.3</b> Prinsip Asas dan Premis Pembangunan Strategi	43
<b>1.3</b> Taburan Geografi Sektor Informal di Malaysia	13	<b>Isu dan Cabaran Dalam Pemformalan Usahawan Informal</b>		<b>4.4</b> Strategi dan Inisiatif Pemformalan	44
<b>1.4</b> Taburan Demografi Sektor Informal di Malaysia	14	<b>3.1</b> Gambaran Keseluruhan Isu dan Cabaran	29	<b>Kesimpulan</b>	52
<b>1.5</b> Kepentingan Pemformalan Perniagaan	15	<b>3.2</b> Komponen Isu 1: Kurang Berpandangan Jauh	30	<b>Penghargaan</b>	54
<b>1.6</b> Usaha Pemformalan Perniagaan di Negara Lain	16	<b>3.3</b> Komponen Isu 2: Kurang Galakan dan Motivasi	33	<b>Glosari</b>	56
		<b>3.4</b> Komponen 3: Sokongan dan Bantuan yang Terhad	36	<b>Akronim</b>	57
				<b>Rujukan</b>	58

# Senarai Rajah dan Jadual

## Senarai Rajah

<b>1-1</b>	Polisi Nasional berkaitan Pembangunan Keusahawanan	9
<b>1-2</b>	Sumbangan PMKS kepada Ekonomi Malaysia 2021	9
<b>1-3</b>	Pecahan Populasi PMKS 2021	9
<b>1-4</b>	Kriteria Sektor Informal	11
<b>1-5</b>	Status Pekerjaan Dalam Sektor Informal	11
<b>1-6</b>	Statistik Pekerjaan Informal 2021	12
<b>1-7</b>	Statistik Taburan Demografi bagi Sektor Informal di Malaysia 2021	14
<b>2-1</b>	Ciri-ciri utama bagi Pelbagai Jenis Usahawan Informal	27
<b>3-1</b>	Isu dan Cabaran bagi Pemformalan Usahawan Informal	29
<b>3-2</b>	Modal Permulaan dalam kalangan Usahawan Informal	32
<b>3-3</b>	Cabaran yang dihadapi Usahawan Informal	32

<b>3-4</b>	Persepsi Usahawan Terhadap Proses Permohonan Pelesenan Negeri	33
<b>3-5</b>	Keuntungan Bulanan Usahawan Informal	34
<b>3-6</b>	Persepsi berkenaan Peningkatan Kesedaran terhadap Manfaat Pemformalan disebabkan Pandemik	34
<b>3-7</b>	Soal Selidik Usahawan Informal	35
<b>3-8</b>	Persepsi terhadap Bantuan Tunai sebagai Insentif Pemformalan	38
<b>4-1</b>	Pelan Pemformalan Usahawan Informal	42
<b>4-2</b>	Pemetaan Komponen Isu dengan Strategi Pelan Pemformalan	50

## Senarai Jadual

<b>1-1</b>	Kedudukan Taburan Sektor Informal mengikut Negeri dan KDNK per kapita 2019*	13
<b>1-2</b>	Kedudukan Taburan Sektor Informal mengikut Negeri dan KDNK per kapita 2021*	13

# Ringkasan Eksekutif

Kerajaan Malaysia sentiasa menyokong pembangunan usahawan melalui pelaksanaan pelbagai dasar dan program yang bertujuan memudahcara penyediaan sebuah ekosistem serta persekitaran perniagaan yang kondusif untuk usahawan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Pelan Pemformalan Usahawan

Informal ini dibangunkan untuk meneruskan kesinambungan agenda nasional dalam mencapai pengagihan kekayaan yang saksama serta memperkukuhkan kesejahteraan sosio-ekonomi negara. Pelan Pemformalan ini mempunyai 3 objektif, 6 strategi dan 20 inisiatif seperti berikut :

### 3 OBJEKTIF



Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan saling melengkapi bagi menggalakkan pemformalan perniagaan



Menghasilkan usahawan yang beretika dan berintegriti tinggi



Menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik bagi pemilik perniagaan dan pekerja

### 6 STRATEGI

#### Strategi 1

Meningkatkan kesedaran dan komunikasi berkesan tentang pemformalan perniagaan



#### Strategi 2

Meningkatkan fasilitasi dalam proses pemformalan perniagaan



#### Strategi 3

Meningkatkan kompetensi dan keupayaan usahawan informal ke arah pemformalan perniagaan



#### Strategi 4

Menyediakan insentif untuk pemformalan perniagaan



#### Strategi 5

Menyediakan kerangka perundangan dan penguatkuasaan yang menyokong pemformalan perniagaan



#### Strategi 6

Memperkuhkan sistem tadbir urus dan pemantauan bagi usaha pemformalan perniagaan



DISOKONG DENGAN 20 INISIATIF



## BAB 1

# Pengenalan Keusahawanan Sektor Informal

Keusahawanan sektor informal adalah sebahagian daripada ekonomi informal yang merujuk kepada aktiviti ekonomi perusahaan isi rumah tidak diperbadankan yang biasanya beroperasi pada skala kecil dan berada di luar sistem ekonomi dan cukai yang terkawal. Pada tahun 2021 sahaja, sektor ini berpotensi menyumbang antara 2.4% hingga 5.3% kepada KDNK Malaysia, jika direkodkan. Hal ini menunjukkan wujudnya keperluan untuk memformalkan sektor informal bagi membolehkan potensi sumbangannya direkodkan ke arah pembangunan ekonomi yang lebih baik.



Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dengan menyumbang sebanyak 37.4% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), 11.7% kepada eksport dan 47.8% kepada pekerjaan negara. Seajar dengan hala tuju nasional untuk menyediakan pembangunan sosio-ekonomi yang mampan, seimbang dan inklusif, Kerajaan turut meletakkan keutamaan dalam membangunkan dan menyokong pertumbuhan PMKS dalam negara.

#### Rajah 1-1: Polisi Nasional berkaitan Pembangunan Keusahawanan

##### Usaha untuk Membangunkan Usahawan



##### Dasar Keusahawanan Nasional

merupakan strategi jangka panjang untuk memacu Malaysia menjadi sebuah negara keusahawanan yang unggul menjelang tahun 2030.



##### Rancangan Malaysia ke-12

merupakan rancangan jangka sederhana dengan pemacu perubahan dan inisiatif strategik untuk menjana semula pertumbuhan ekonomi bagi pemulihan negara dan kestabilan sosio ekonomi

Polisi nasional ini telah menetapkan asas yang kukuh untuk usaha berterusan bagi pembangunan ekosistem keusahawanan menerusi penyediaan panduan yang komprehensif, baik dari perspektif konseptual mahupun pelaksanaan.

#### Rajah 1-2: Sumbangan PMKS kepada Ekonomi Malaysia 2021

**37.4%**

Sumbangan PMKS kepada KDNK (RM 518.1 bil)



**11.7%**

Sumbangan PMKS kepada Jumlah Eksport (RM 124.3 bil)



**47.8%**

Sumbangan PMKS kepada Pekerjaan (7.32 juta)



**1,226,494**

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang berdaftar



#### Rajah 1-3: Pecahan Populasi PMKS 2021

**1.6%**



Perusahaan Sederhana

**19.8%**



Perusahaan Kecil

**78.6%**



Perusahaan Mikro

**83.8%** Perkhidmatan

**8.0%** Pembinaan

**5.8%** Pembuatan

**1.9%** Pertanian

**0.4%** Perlombongan & Perkuarian

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021

### Pendaftaran Perniagaan di Malaysia

Usahawan yang menjalankan aktiviti perniagaan di Malaysia sama ada secara individu ataupun secara berkumpulan dikehendaki untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti yang dikuatkuasakan oleh :

- 1 **Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197] bagi perniagaan milikan tunggal atau perkongsian**
- 2 **Akta Syarikat 2016 [Akta 777] bagi pemerbadanan syarikat**
- 3 **Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743] bagi penubuhan syarikat Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)**

Sementara itu,

- Pendaftaran perniagaan di Sabah dikawal selia di bawah Ordinan Perlesenan Perdagangan, 1948 (Cap 144).
- Pendaftaran perniagaan di Sarawak dikawal selia di bawah Ordinan Nama Perniagaan 1948 (Cap 64) dan Ordinan Perlesenan Perniagaan, Profesion dan Tred 1955 (Cap 33).



Selain daripada pendaftaran perniagaan, usahawan juga dikehendaki untuk mematuhi beberapa bentuk pelesenan yang merangkumi lesen am, lesen khusus industri/sector atau lesen khusus aktiviti. Pelesenan tersebut ditadbir oleh pelbagai agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pematuhannya adalah berbeza mengikut industri, aktiviti perniagaan dan lokasi.



## 1.2 Definisi Keusahawanan Informal

Keusahawanan informal adalah subset kepada ekosistem yang lebih besar iaitu sektor informal. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), sektor informal ialah sub-set kepada perusahaan isi rumah yang tidak diperbadankan di mana ia boleh dicirikan secara umum sebagai perusahaan yang terdiri daripada unit yang terlibat dalam pengeluaran barangan atau perkhidmatan dengan objektif utama menjana pekerjaan dan pendapatan. Unit-unit ini biasanya beroperasi dalam skala kecil dengan pembahagian yang minimum antara buruh dan modal sebagai faktor pengeluaran. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mentakrifkan sektor informal sebagai perusahaan informal yang memenuhi kriteria berikut :

### Rajah 1-4: Kriteria Sektor Informal

- 1 Kesemua atau sekurang-kurangnya satu barangan atau perkhidmatan yang dikeluarkan adalah untuk jualan atau transaksi barter
- 2 Perusahaan tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana badan profesional, termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- 3 Saiz pekerja kurang daripada 10 dan tidak berdaftar di bawah mana-mana perundangan nasional yang ditetapkan

Sumber: Laporan Survei Sektor Informal dan Pekerjaan Informal (2021), Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor informal menjana pekerjaan kepada mana-mana isi rumah yang berumur antara 15 hingga 64 tahun yang bekerja sekurang-kurangnya satu jam seminggu. Mereka dikira sebagai pemain utama dalam ekosistem keusahawanan sektor informal dan boleh diklasifikasikan kepada status pekerjaan seperti berikut :

### Rajah 1-5: Status Pekerjaan dalam Sektor Informal



Sumber: Laporan Survei Sektor Informal dan Pekerjaan Informal (2021), Jabatan Perangkaan Malaysia

## 1.2 Definisi Keusahawanan Informal

Sektor informal tidak mengambil kira pekerjaan informal dalam sektor formal. Oleh yang demikian, berdasarkan huraian status pekerjaan dalam sektor informal, individu yang “bekerja sendiri” dan “majikan” adalah dikira sebagai usahawan informal. Unit perniagaan mereka tidak berdaftar dan mereka menggaji kurang daripada 10 orang. Walaupun “pekerja” dan “pekerja keluarga tanpa gaji” tergolong dalam sektor informal, mereka tidak dikira sebagai usahawan informal.

Rajah 1–6: Statistik Pekerjaan Informal 2021



“Daripada peratusan keseluruhan tenaga kerja Malaysia, Usahawan Informal membentuk kira-kira 6.3% daripada populasi tersebut”

Sumber: Laporan Survei Sektor Informal dan Guna Tenaga Informal (2021), Jabatan Perangkaan Malaysia



Secara kumulatifnya, usahawan informal yang terdiri daripada individu yang “bekerja sendiri” dan “majikan” membentuk kira-kira 73.4% atau 955,200 daripada keseluruhan pekerjaan dalam sektor informal.



Contoh usahawan informal :

### Tukang Jahit Sim yang menjalankan perkhidmatan jahitan di rumahnya

- ✗ Tidak berdaftar dengan SSM atau mana-mana badan profesional
- ✗ Dibantu oleh kurang daripada 10 orang pekerja
- ✗ Beliau dan pekerjaanya tidak dilindungi oleh mana-mana perlindungan sosial seperti Kumpulan Wang Simpanan Persaraan (KWSP) atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

## 1.3 Taburan Geografi Sektor Informal di Malaysia

Sektor informal di Malaysia kelihatan lebih ketara berikutan peningkatan bilangan individu yang terlibat dalam ekonomi gig semasa dan selepas pandemik COVID-19, ditambah lagi dengan peningkatan

kebolehcapaian kepada platform maya B2C, khususnya di kawasan bandar.

**Jadual 1–1: Kedudukan Taburan Sektor Informal mengikut Negeri dan KDNK Per Kapita, 2019\***

Kedudukan Negeri dengan Taburan Informal Tertinggi	Negeri	Bilangan Pekerja Informal ('000)	Peratusan Informal (% daripada Keseluruhan)	KDNK Per Kapita (RM)
1	Selangor	209	17	55,030
2	Sabah	155	12	25,368
3	Johor	133	11	37,377
4	Kelantan	131	11	14,341
5	Kedah	107	9	22,378
6	Perak	96	8	31,719
7	Sarawak	92	7	53,551
8	Terengganu	89	7	30,929
9	Pahang	58	5	36,560
10	Wilayah Persekutuan	58	5	207,476
11	Pulau Pinang	48	4	55,202
12	Melaka	35	3	49,109
13	Negeri Sembilan	34	3	45,384
14	Perlis	12	1	25,513

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh Sektor Informal (2019), Jabatan Perangkaan Malaysia; Analisis Perunding (2023)

**Jadual 1–2: Kedudukan Taburan Sektor Informal mengikut Negeri dan KDNK Per Kapita, 2021\***

Kedudukan Negeri dengan Taburan Informal Tertinggi	Negeri	Bilangan Pekerja Informal ('000)	Peratusan Informal (% daripada Keseluruhan)	KDNK Per Kapita (RM)
1	Selangor	326	25	51,930
2	Sabah	166	13	29,960
3	Johor	137	11	36,474
4	Kelantan	107	8	15,584
5	Perak	96	7	34,338
6	Kedah	91	7	23,575
7	Sarawak	86	7	65,971
8	Terengganu	74	6	30,901
9	Pulau Pinang	58	5	59,685
10	Wilayah Persekutuan	54	4	192,637
11	Pahang	46	4	41,313
12	Melaka	27	2	44,610
13	Negeri Sembilan	25	2	44,495
14	Perlis	10	1	21,508

Sumber: Laporan Survei Sektor Informal dan Guna Tenaga Informal (2021), Jabatan Perangkaan Malaysia; Analisis Perunding (2023)

\*Nota: Tidak Termasuk sektor Pertanian

Pemahaman mengenai demografi tenaga kerja sektor informal adalah penting untuk mengenal pasti keperluan, faktor dan motivasi yang cenderung mendorong usahawan untuk beroperasi secara informal. Ringkasan berikut menerangkan demografi tenaga kerja sektor informal bagi tahun rujukan 2021 :

## Rajah 1-7: Statistik Taburan Demografi bagi Sektor Informal di Malaysia

### Penduduk Bandar

73.7% daripada tenaga kerja sektor informal adalah penduduk bandar dan 25% daripadanya adalah dari negeri Selangor.

### Majoriti Tenaga Kerja Sektor Informal Menerima Pendidikan Menengah

61.3% daripada pekerja informal keseluruhan tidak termasuk sektor pertanian mendapat pendidikan rasmi sehingga peringkat pertengahan. Hanya 4.6% daripada keseluruhan populasi yang disoal selidik menyatakan tidak menerima sebarang pendidikan rasmi. Dalam kategori sektor informal bandar, 82.8% tenaga kerja informal bandar terlibat dalam pekerjaan separuh mahir, menunjukkan tiada keperluan mendesak untuk mereka mendapatkan pendidikan atau kemahiran yang lebih tinggi.

### Sektor Informal Dipacu Keselesaan Bekerja Dari Rumah

Majoriti sektor informal beroperasi dari rumah (37.1%) dan diikuti oleh perkhidmatan tradisional di pasar atau jalanan (29.2%). Lain-lain sama ada tiada lokasi tetap, beroperasi di kilang, bengkel atau pejabat.

### Sektor Informal Didominasi Oleh Lelaki

55.6% daripada tenaga kerja sektor informal adalah lelaki dan peratusan wanita pula semakin meningkat pada kadar 0.7% mencecah 44.4%, berbanding hanya 43.7% pada tahun 2019.



### Tenaga Kerja Sektor Informal Luar Bandar Memainkan Peranan Penting Dalam Sektor Pertanian

Tenaga kerja sektor informal luar bandar menyumbang secara umumnya kepada industri sektor pertanian iaitu sebanyak 71.0% (492.4 ribu orang).

### Penduduk Pertengahan Umur

Sektor informal didominasi oleh mereka yang berumur antara 25 hingga 54 tahun, dengan kumpulan umur 25–34 tahun membentuk peratusan tertinggi.

Tren ketara dapat dilihat pada penglibatan penduduk bandar berumur 35–44 tahun dalam sektor informal yang meningkat sebanyak 3.7% semenjak 2019

### Sektor Perkhidmatan

67% sektor informal berada dalam sektor perkhidmatan, iaitu :

- Perdagangan Borong & Runcit dan Pembaikan Kenderaan Bermotor (24%)
- Penginapan dan Makanan & Minuman (23.1%)
- Pengangkutan dan Penyimpanan (6.1%)

Pengangkutan mencatatkan kadar peningkatan tertinggi (46.7%) daripada tahun 2019.



Sumber: Laporan Survei Sektor Informal dan Guna Tenaga Informal (2021), Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor informal dianggarkan menyumbang antara 2.4% hingga 5.3% kepada KDNK Malaysia. Anggaran ini adalah berdasarkan pengiraan purata antara Pendekatan Pengeluaran (*Production Approach*) dan Pendekatan Pendapatan (*Income Approach*). Di bawah Pendekatan Pengeluaran, sumbangan KDNK sektor informal diekstrapolasi dengan mendarabkan bilangan usahawan dengan nilai ditambah bagi setiap unit pekerja. Manakala, Pendekatan Pendapatan menganggarkan sumbangan KDNK sektor informal dengan mengambil kira aspek nilai upah pekerja, lebih kasar operasi dan cukai selepas ditolak subsidi bagi populasi usahawan informal sepertimana Laporan Survei Sektor Informal dan Guna Tenaga Informal, 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, krisis ekonomi dan sosial telah meningkatkan risiko kepada usahawan sektor informal yang sememangnya terdedah kepada pelbagai ancaman berikutan status entiti perniagaan mereka yang tidak dilindungi di bawah mana-mana perundangan. Sehubungan itu, pemformalan perniagaan adalah penting bagi mengelakkan kumpulan ini ketinggalan dalam arus pembangunan ekonomi semasa. Pemformalan perniagaan di Malaysia boleh dilakukan melalui pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan yang mempunyai status yang sama seperti badan profesional atau pejabat daerah di Malaysia Timur. Pemformalan perniagaan usahawan informal adalah penting kerana faktor-faktor berikut :

1

### Potensi meningkatnya bilangan usahawan baharu

Semakin ramai individu menceburi bidang keusahawanan untuk menjana ekonomi mereka sendiri bagi kelangsungan hidup berikutan peningkatan kadar pengangguran, penurunan gaji purata dan peningkatan kos sara hidup.

2

### Menyediakan perlindungan perundangan dan sosial

Pemformalan perniagaan usahawan informal akan menyediakan perlindungan berkanun dan membolehkan mereka mendapat akses kepada pembiayaan, fasilitasi dan bantuan langsung Kerajaan serta perlindungan sosial yang lebih holistik.

3

### Meminimumkan isu ketidakpatuhan

Penguatkuasaan pemformalan perniagaan meminimumkan isu ketidakpatuhan undang-undang dalam operasi perniagaan yang pada masa ini didorong oleh pelbagai ciri dan motivasi usahawan informal (keperluan vs peluang).

4

### Mengalakkan ekosistem keusahawanan kondusif

Ekosistem keusahawanan yang kondusif akan memudahkan proses pendaftaran perniagaan melalui pendigitalan, pelbagai inisiatif dan intervensi, sekali gus menggalakkan pemformalan perniagaan secara sukarela.

5

### Meningkatkan sumbangan ekonomi PMKS

Pemformalan perniagaan usahawan informal akan membolehkan keuntungan yang terhasil dimasukkan dan dilaporkan sebagai sebahagian daripada sumbangan KDNK dalam petunjuk ekonomi negara.

Sektor Informal ketara di kebanyakan negara dengan lebih daripada 60.0% daripada populasi dunia terlibat dalam aktiviti ekonomi informal. Pada magnitud yang sedemikian, kumpulan ini berpotensi menyumbang secara signifikan kepada ekonomi masing-masing. Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan rekod, sumbangan sebenar kumpulan ini kekal tidak diambil kira dan seringkali dibiarkan tanpa

perlindungan sosial. Oleh yang demikian, negara-negara di seluruh dunia telah mula mengambil inisiatif dan meningkatkan usaha dalam menggalakkan pemformalan perniagaan usahawan informal untuk melindungi dan membangunkan kumpulan sasaran ini.

### Negara-negara Terpilih

**Ekonomi Kurang Membangun**

**Ekonomi Paling Membangun**



**Usaha global dalam pemformalan perniagaan dapat dikategorikan berdasarkan pendekatan berikut :**



**Perundangan dan  
Penginstytisian**



**Insentif Fiskal dan  
Bukan Fiskal**



**Perlindungan  
Sosial**



**Pembangunan  
Keusahawanan**





## Perundangan dan Penginstitusian



Mexico

**Rapid Business Opening System (SARE) Initiative**

Inisiatif untuk menyelaraskan prosedur pendaftaran tempatan yang terpakai kepada 685 industri tidak dikawal (non-regulated) seperti barangan runcit dan pakaian.

SARE menyediakan proses pendaftaran yang pantas dan cekap dengan mentakrifkan dengan jelas prosedur, caj bayaran dan identiti agensi yang terlibat dalam proses tersebut.

Sumber: OECD (2019). *Scan of Reforms for Enhancing Business Environment in Mexico*. OECD Regulatory Policy Division.



Filipina

**Magna Carta of Workers in the Informal Economy (MCWIE)**

Rangka kerja perundangan untuk menyediakan perlindungan dan memperjuangkan hak pekerja informal dalam ekonomi.

Undang-undang ini memberikan sedikit fleksibiliti kepada usahawan informal yang berada dalam proses “peralihan” untuk menjadi satu entiti perniagaan yang diformalkan sepenuhnya.

Sumber: Explanatory Note. *Magna Carta of Workers in Informal Economy*. (2017). Seventeenth Congress of the Republic of Philippines.



Indonesia

**16th Economic Reform Package**

Pakej untuk menambah baik dan mempercepatkan proses pendaftaran perniagaan merentasi pelbagai sektor ekonomi di Indonesia.

Di bawah pakej ini, proses pendaftaran dibahagikan kepada dua fasa dengan setiap fasa direka bentuk untuk memperkemas pendaftaran dan penyepaduan data menggunakan teknologi.

Sumber: Octavia, J. (2020, December 15). *Building Back Better: COVID-19 and Informal Workers in Indonesia*. London School Economics.



### Insentif Fiskal dan Bukan Fiskal



Mexico

#### **Fiscal Incorporation Regime (RIF)**

Mekanisme yang dipermudahkan untuk mengira, membayar dan memfailkan penyata cukai bagi menggantikan rejim cukai yang lama untuk PMKS.

Di bawah mekanisme percukaian ini, perniagaan yang tidak memerlukan ijazah profesional dan mempunyai pendapatan tahunan tidak melebihi USD130,000 akan menerima faedah diskaun 100% ke atas cukai tertentu pada tahun pertama dan kadar ini menurun secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun bagi tempoh 10 tahun.

Sumber: Partington, M. (2018, October 22). *How A Government Initiative in Lisbon is Fostering Entrepreneurship. Startup Guide.*



Taiwan

#### **“Informality Tracking” Initiative**

Pengenalan Kredit Cukai Perniagaan atau Business Tax Credit untuk mana-mana perusahaan berdaftar yang dapat menghasilkan resit bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh usahawan informal, seperti usahawan *home-based* dan perniagaan dalam talian, kepada mereka. Pegawai percukaian akan melakukan pemeriksaan di lokasi dan memantau transaksi dengan kekerapan yang tinggi pada akaun peribadi individu penjual dalam kumpulan usahawan informal ini untuk mengesahkan status mereka di bawah perundangan.

Sumber: Government of Taiwan.



Indonesia

#### **Home-Job Tax Plan**

Baucar potongan pendapatan bercukai disediakan kepada pengguna yang membeli daripada perusahaan mikro yang baru mendaftar perniagaan.

Pengguna bagi perkhidmatan persendirian dan isi rumah dalam sektor pembersihan, penyelenggaraan dalaman dan luaran serta perkebunan boleh memohon pengurangan cukai pendapatan peribadi sebanyak 15% bagi setiap pembayar cukai sehingga EUR2,000 setiap tahun untuk membeli perkhidmatan yang berkenaan.

Sumber: Policy Brief on Informal Entrepreneurship, 2015, OECD



## Pembangunan Keusahawanan



United Kingdom

### **Test–Trading Scheme**

Skim yang menawarkan sekurang-kurangnya 18 bulan tuntutan faedah berterusan kepada individu menganggur. Peserta akan dihubungkan dengan mentor perniagaan untuk menjana idea keusahawanan dan menghadiri latihan bagi menyediakan pelan perniagaan yang berdaya maju.

Peserta kemudiannya akan memformalkan dan menguji perniagaan mereka untuk tempoh 26 minggu di samping terus menerima faedah daripada bantuan peringkat pra-pemformalan yang lain.

Sumber: Policy Brief on Informal Entrepreneurship, 2015, OECD



Jerman

### **Start-up Premium Initiative**

Pembiayaan yang diberikan kepada individu berkemahiran yang menganggur untuk memulakan perniagaan “start-up” mereka sebagai perniagaan berdaftar.

Program “Gründungszuschuss” atau “Start-up Premium” menawarkan peluang kepada usahawan informal berkemahiran untuk beralih keluar daripada ekonomi informal. Skim ini juga direka untuk mengurangkan prosedur pemformalan kepada peserta dan menambah baik kecekapan pentadbiran.

Sumber: EurWORK (2013). Start-up premium, Germany. Eurofund



Portugal

### **StartUp Portugal+**

Strategi inkubasi berstruktur secara menyeluruh (*end-to-end*) dengan tujuan untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan keusahawanan serta disokong oleh ekosistem yang menggalakkan pemformalan perniagaan. Antara inisiatif utama ialah penubuhan “National Network of Incubators and Accelerators” yang bertujuan untuk memupuk PMKS dengan fokus terhadap teknologi baharu dan inovasi sosial serta menghubungkan mereka dengan pemegang saham dan pelabur dari seluruh dunia.

Sumber: Partington, M. (2018, October 22). How A Government Initiative in Lisbon is Fostering Entrepreneurship. Startup Guide



## Perlindungan Sosial



Filipina

### **AlkanSSSyA Initiative**

Program keselamatan sosial mampu milik kepada usahawan informal dan mereka yang bekerja sendiri.

Inisiatif ini berfungsi dengan menyediakan kabinet fail yang besar dengan peti deposit keselamatan individu di mana pencarum boleh meletakkan suatu jumlah harian tanpa had atau sumbangan minimum ke dalamnya setiap hari. Setiap bulan, pegawai Informal Sector Group (ISG) akan menyusun dan mengutip jumlah yang didepositkan oleh setiap pencarum.

Sumber: Explanatory Note, Magna Carta of Workers in Informal Economy. (2017). Seventeenth Congress of the Republic of Philippines



Taiwan

### **Farmer's Certificate Programme**

Sijil untuk petani yang melayakkan mereka mendapat faedah insentif cukai yang bertumpu kepada kebajikan sosial, termasuk pengecualian cukai ke atas insurans untuk pekerja.

Kerajaan Taiwan juga telah menubuhkan dana bagi membangunkan petani kecil berdaftar ini dengan mengumpulkan mereka yang mempunyai tanah berhampiran antara satu sama lain untuk beroperasi secara kolektif sebagai organisasi pengeluaran dan pemasaran berskala besar.

Sumber: Government of Taiwan



Belgium

### **Personal Caring Voucher Scheme**

Baucar diberikan kepada syarikat berdaftar yang menawarkan pekerjaan kepada pekerja informal dan usahawan informal.

Syarikat kemudiannya menjual baucar ini kepada pengguna yang hanya membayar sebahagian kecil daripada kadar gaji minimum setiap jam untuk perkhidmatan yang diberikan, manakala bakinya ditanggung oleh kerajaan melalui baucar yang diberikan kepada syarikat berdaftar dan secara berkesan menjadikannya sebagai subsidi gaji untuk usahawan formal.

Sumber: Policy Brief on Informal Entrepreneurship, 2015, OECD

# Rumusan

Ekonomi informal secara umumnya terdiri daripada aktiviti ekonomi yang menjana nilai pasaran namun tidak direkodkan secara rasmi dalam pendapatan dan sistem kawal selia negara. Dianggarkan kira-kira 60.0% daripada jumlah pekerjaan atau 2 bilion pekerja dan 80.0% perusahaan di seluruh dunia terlibat dalam ekonomi informal. Sekiranya ia diformalkan dan direkodkan secara rasmi, aktiviti ekonomi informal berpotensi menyumbang kepada hasil cukai dan pengukuran KDNK yang lebih baik kepada negara.

Sektor informal ialah sub-set kepada perusahaan isi rumah yang tidak diperbadankan. Di Malaysia, kira-kira 8.6% daripada jumlah tenaga kerja atau 1.3 juta individu terlibat dalam sektor informal pada tahun 2021. Daripada 1.3 juta individu ini, kira-kira 73.4% atau 955,200 adalah usahawan informal yang status pekerjaannya di bawah sektor informal dikategorikan sebagai “bekerja sendiri” dan “majikan”. Berdasarkan profil demografi, Selangor mencatatkan peratusan tenaga kerja informal tertinggi iaitu 25% berikutan peningkatan aktiviti ekonomi gig dan pendigitalan di negeri ini. Ia diikuti oleh Sabah (13%) dan Johor (11%).

Ketika negara memasuki era baharu pembangunan, pemformalan usahawan informal telah menjadi fokus utama dalam agenda keusahawanan nasional. Usaha yang sama juga boleh dilihat dalam kalangan negara lain di seluruh dunia apabila kerajaan masing-masing telah memulakan pelbagai usaha melalui inisiatif perundangan dan penginstitutionan, insentif fiskal dan bukan fiskal, penyediaan perlindungan sosial dan peluang pembangunan perniagaan bagi menggalakkan pemformalan perniagaan. Ekosistem keusahawanan yang lebih kondusif dan saling melengkapi akan dibangunkan agar usahawan boleh terus berkembang menerusi peluang pembiayaan serta perlindungan perundangan dan sosial yang lebih baik. Kemajuan ini seterusnya akan membawa kepada peningkatan prestasi dan sumbangan PMKS kepada ekonomi negara.



## BAB 2

# Kategori Usahawan Informal di Malaysia

Usahawan Informal boleh dikategorikan kepada 5 kumpulan utama bergantung pada ciri-ciri dan objektif perniagaan. Kategori usahawan informal ini meliputi Usahawan Informal Semulajadi, Usahawan Informal Eksperimental, Usahawan Informal Bermusim, Usahawan Informal Tidak Berpengetahuan dan Usahawan Informal Oportunis.

## 2.1 Pengkategorian Usahawan Informal

Keusahawanan sering menjadi pilihan individu yang mencari kebebasan dan fleksibiliti dalam pekerjaan bagi menjana sumber pendapatan. Terdapat juga individu yang menceburi bidang keusahawanan sebagai pilihan terakhir bagi kelangsungan hidup. Motif yang berbeza iaitu atas sebab keperluan atau peluang, akan menentukan motivasi usahawan sama ada untuk mendaftar perniagaan atau terus kekal sebagai usahawan informal.


Usahawan informal dapat dikategorikan kepada lima (5) jenis motivasi yang secara umumnya bergantung kepada ciri-ciri dan objektif perniagaan. Pengkategorian usahawan informal ini dibuat berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Bank Dunia yang meninjau aspek motivasi dan tingkah laku yang mendorong usahawan untuk kekal sebagai informal. Walaupun terdapat usahawan yang memilih untuk

berada dalam sektor informal, terdapat juga kumpulan usahawan yang beroperasi secara informal kerana kurangnya pemahaman terhadap kepentingan pemformalan perniagaan serta kurangnya kesedaran dan pengetahuan tentang langkah-langkah yang diperlukan untuk memformalkan perniagaan.

Persamaan antara usahawan informal ini menghasilkan dua (2) spektrum utama dalam pengkategorian, iaitu mereka yang mempunyai keupayaan terhad untuk mendaftar atau kurang dorongan untuk mendaftar. Kedudukan usahawan informal dalam 2 spektrum ini bergantung kepada pelbagai faktor termasuk budaya perniagaan, keadaan institusi dan pasaran sekeliling serta ciri-ciri perniagaan individu. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, lima (5) kumpulan utama usahawan informal telah dikenalpasti seperti berikut :

Keupayaan terhad  
untuk mendaftar

Kurang dorongan  
untuk mendaftar



Sumber: Bank Dunia



### Usahawan Informal Semulajadi

Usahawan informal secara semula jadi ini adalah mereka yang menjalankan perniagaan secara informal sekadar untuk memenuhi keperluan dan dibenarkan di sisi undang-undang, dengan syarat ia dilakukan hanya untuk kelangsungan hidup. Usahawan dalam kategori ini terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai kecenderungan untuk membesarkan perniagaan melebihi keperluan asas harian. Contoh usahawan dalam kategori ini termasuklah jurujual pintu-ke-pintu, petani kecil-kecilan, peniaga sayur, tukang jahit dan tukang ukir yang tidak mengiklankan produk atau perkhidmatan mereka.

Walaupun wujud peruntukan undang-undang yang membenarkan usahawan dalam kategori ini untuk kekal tidak berdaftar, namun perniagaan jenis ini masih boleh mendaftar dengan pihak berkuasa tempatan dan memperoleh lesen perniagaan yang berkenaan, termasuklah lesen perniagaan sementara. Usahawan informal semulajadi mungkin masih cuba mengelak daripada pihak berkuasa tempatan kerana mereka tidak mempunyai kemampuan untuk memohon permit tempatan dan sanggup melepaskan faedah pemformalan.



### Usahawan Informal Eksperimental

Kategori ini meliputi usahawan yang cenderung mencuba model perniagaan kreatif dan sedang menguji produk atau perkhidmatan mereka di pasaran sebelum benar-benar mengambil risiko perniagaan. Justeru itu, golongan ini tidak melihat pendaftaran perniagaan sebagai suatu keutamaan memandangkan wujud ketidakpastian dalam kelangsungan perniagaan mereka. Mereka akan cuba mengelakkan perniagaan mereka daripada dikesan pihak berkuasa bagi mengelakkan kos tambahan seperti cukai, permit dan yuran lain yang berkaitan.

Lazimnya, usahawan informal eksperimental lebih sensitif terhadap masa berbanding kategori usahawan informal yang lain kerana perniagaan mereka amat bergantung kepada kejayaan yang dapat dicapai dalam jangka masa pendek. Pada dasarnya, mereka memerlukan kebebasan dan fleksibiliti dalam membangunkan idea perniagaan tanpa dikekang oleh peraturan-peraturan yang ketat. Sikap mengambil risiko dan cara pemikiran mereka yang kreatif ini mungkin memerlukan bimbingan menyeluruh daripada pihak kerajaan agar perniagaan yang berjaya akhirnya akan didaftarkan dan sikap usahawan yang mengambil kesempatan atau oportunistik akan dapat dielakkan.






### Usahawan Informal Bermusim

Usahawan informal bermusim hanya beroperasi pada masa tertentu dalam setahun. Contohnya seperti pengusaha gerai makanan dan minuman serta penjaja yang hanya menjual di bazar Ramadan, atau usahawan tani yang hanya menjual hasil tanaman ketika musim menuai. Ciri utama usahawan informal bermusim adalah lazimnya mereka yang mengusahakan perniagaan tidak berdaftar sebagai sumber pendapatan sampingan. Walaupun lesen perniagaan bermusim kini telah disediakan oleh pihak berkuasa tempatan, tahap kesedaran berkenaan proses dan manfaat lesen ini masih di tahap yang rendah. Oleh sebab itu, kebolehcapaian dan kemudahan untuk mendapatkan lesen ini pada kadar mampu milik adalah penting untuk menyokong usaha pemformalan usahawan bermusim ini. Selain itu, kesedaran berkenaan pelesenan dan proses pendaftarannya juga perlu ditingkatkan untuk meminimumkan kes usahawan bermusim yang beroperasi tanpa lesen yang sewajarnya daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

Keusahawanan informal bermusim juga merupakan bentuk keusahawanan yang biasanya beroperasi di kawasan luar bandar. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pemformalan perniagaan melalui pendekatan yang bersasar berdasarkan lokasi tertentu untuk menangani potensi jurang dalam komunikasi.



### Usahawan Informal Tidak Berpengetahuan

Usahawan informal tidak berpengetahuan adalah mereka yang tidak mengetahui keperluan untuk memformalkan perniagaan dan manfaat diperoleh setelah mendaftarkan perniagaan. Faktor sosio-ekonomi dan juga kurangnya komunikasi berkesan di sekitar kawasan luar bandar menyumbang kepada pemikiran dan perbuatan menyembunyikan perniagaan daripada pihak berkuasa, baik daripada aspek percukaian mahupun penguatkuasaan. Hal ini lebih ketara dalam kalangan usahawan yang mempunyai tahap pendidikan yang rendah, serta mereka yang mewarisi perniagaan yang sedia informal sebelum ini yang mempersoalkan sekiranya generasi sebelum ini tidak mendaftarkan perniagaan, mengapa mereka perlu berbuat demikian pada masa kini.

Usahawan seperti ini juga seringkali mempunyai tanggapan yang salah berkenaan proses pemformalan sebagai terlalu membebankan dan berpotensi kehilangan bantuan tunai daripada Kerajaan sekiranya mendaftar perniagaan, menyebabkan mereka lebih cenderung untuk menyembunyikan perniagaan agar tidak dikesan oleh pihak penguatkuasa.



### Usahawan Informal Oportunis

Usahawan informal oportunis merujuk kepada individu yang mengambil kesempatan terhadap jurang di dalam penguatkuasaan undang-undang perniagaan walaupun mereka berkemampuan untuk berkembang maju dalam persekitaran perniagaan formal. Kategori usahawan informal ini memilih untuk tidak mendaftarkan perniagaan bagi mengelak daripada pembayaran cukai ataupun kos pematuhan yang lain di mana ia akan memberikan kelebihan untuk mereka bersaing dengan usahawan formal. Kemunculan usahawan digital yang beroperasi di alam siber juga telah meningkatkan kerumitan dalam menguatkuasa dan menguruskan pendaftaran usahawan dalam kategori ini. Senario ini juga turut mewujudkan peluang untuk perniagaan jenis ini kekal “tersembunyi” sambil mengaut keuntungan, sekali gus memberikan persaingan tidak adil kepada usahawan formal yang lain.


Justeru itu, usaha untuk memformalkan usahawan informal oportunis adalah penting kerana kebanyakan usahawan dalam kategori ini mempunyai tahap pendidikan yang tinggi dan dalam spektrum golongan berpendapatan tinggi. Dalam erti kata lain, usahawan dalam kategori ini tidak mempunyai sebarang kekangan untuk mendaftarkan perniagaan mereka.

# Rumusan

Pilihan atau keputusan untuk menjadi usahawan informal adalah bergantung kepada pelbagai faktor dan motivasi termasuklah jenis dan ciri-ciri perniagaan, objektif dan matlamat perniagaan individu, serta kesedaran dan kefahaman tentang pemformalan perniagaan.

Kepelbagaian faktor dan motivasi bagi kewujudan usahawan informal ini memerlukan pendekatan yang berbeza dan bersasar untuk menangani isu pemformalan mereka.

**Rajah 2-1: Ciri-ciri Utama Pelbagai Kategori Usahawan Informal**



Di samping itu, peringkat kitaran hayat perniagaan usahawan juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan pemformalan usahawan informal. Oleh yang demikian, garis panduan bagi setiap peringkat pengembangan perniagaan dengan pemformalan sebagai objektif akhir adalah lebih praktikal untuk dilaksanakan. Sehubungan itu,

satu pelan pemformalan yang menyediakan strategi dan inisiatif untuk menggalakkan pendaftaran perniagaan secara berkesan diperlukan dengan mengambil kira motivasi dan kemampuan serta kapasiti perniagaan yang berbeza antara kategori usahawan informal.



### BAB 3

# Isu dan Cabaran Dalam Pemformalan Usahawan Informal


Usahawan informal sering kali berhadapan dengan kekangan yang signifikan dalam usaha untuk memformalkan perniagaan mereka. Halangan ini secara umumnya boleh dikategorikan kepada dua perkara, iaitu keupayaan yang terhad dan kurangnya dorongan untuk mendaftar. Secara khususnya, cabaran ini meliputi kurang berpandangan jauh, kurang galakan dan motivasi serta sokongan dan bantuan yang terhad. Bagi menangani cabaran ini dengan berkesan, strategi yang komprehensif perlu dibangunkan dengan pendekatan bersasar untuk menangani setiap isu khusus ini.

## 3.1 Gambaran Keseluruhan Isu dan Cabaran

Isu dan cabaran yang berkaitan dengan pemformalan usahawan informal merangkumi isu antara dua (2) spektrum utama dalam pengkategorian iaitu keupayaan terhad untuk mendaftar atau

kurang dorongan untuk mendaftar. Di antara dua spektrum ini, terdapat tiga (3) kategori cabaran telah dikenal pasti.

Rajah 3-1: Isu dan Cabaran bagi Pemformalan Usahawan Informal





# 1. Kurang cara fikir tentang pembangunan perniagaan secara formal disebabkan pengalaman yang berat sebelah (*familiarity bias*) dan sikap terhadap risiko

## Cara fikir disebabkan pengalaman yang berat sebelah

Pengalaman yang berat sebelah, atau “*familiarity bias*” merujuk kepada kecenderungan untuk memihak kepada perkara yang biasa dan selesa, menjadikan usahawan berskala kecil tidak berani mengambil risiko. Ini adalah antara faktor yang menghalang mereka daripada mendapatkan bantuan untuk berkembang dan mengekalkan keberhasilan tersebut untuk terus mengelak daripada dikesan pihak berkuasa kerajaan. Cara fikir sebegini banyak didapati dalam kalangan pengusaha perniagaan mikro generasi luar bandar.

Tahap kebebasan dan fleksibiliti yang tinggi dalam kalangan perniagaan informal menyebabkan usahawan cenderung mengelak daripada terlibat dengan pihak berkuasa dan pengawal selia. Dalam kebanyakan kes, perniagaan sedemikian banyak beroperasi dari rumah (*home-based*), menjadikan pengesanan dan penguatkuasaan daripada pihak berkuasa lebih sukar dibuat.

Selain itu, kos kewangan dan bukan kewangan yang berkaitan dengan pemformalan telah menghasilkan faedah jangka masa pendek yang lebih tinggi berbanding manfaat pemformalan perniagaan menyebabkan usahawan kekal beroperasi secara informal.

## Cara fikir berasaskan sikap terhadap risiko

Usahawan informal kurang mendapat manfaat perundangan bagi membantu melindungi perniagaan mereka daripada kontrak bekalan dengan rakan kongsi, pembekal dan pelanggan yang tidak selamat atau berat sebelah. Hal ini menyebabkan tahap ketidakpastian pendapatan yang tinggi yang sememangnya menjadi kebiasaan bagi aktiviti berasaskan ekonomi informal.

Walaupun perniagaan informal terdedah dengan pelbagai ancaman, usahawan informal masih kurang bersedia untuk mengambil risiko dalam membuat perubahan terhadap operasi harian mereka kerana cara fikir yang berat sebelah terhadap perkara yang menjadi kebiasaan. Hal ini dilihat amat ketara dalam kalangan usahawan informal bermusim dan usahawan informal eksperimental kerana sikap mereka yang tidak melihat sebarang keperluan untuk mendaftarkan perniagaan yang mungkin berisiko untuk gagal atau hanya akan berada dalam pasaran untuk tempoh masa tertentu sahaja.



## 2. Kurang strategi perniagaan dan pengetahuan dalam pengurusan perusahaan

### Kurang strategi dalam menguruskan perniagaan

Cara kerja usahawan informal yang biasanya fleksibel telah menjadikan strategi perniagaan mereka tidak tetap dan kurang jelas kerana pengetahuan yang terhad dan keutamaan yang bercanggah. Kebanyakan mereka amat bergantung kepada hasil jualan harian dan menggunakan akaun yang sama bagi kegunaan peribadi dan perniagaan.

Selain itu, kebanyakan usahawan informal tidak mempunyai kemahiran teknikal yang mencukupi untuk menguruskan perniagaan dengan cekap, yang mana mereka selalunya banyak bergantung kepada tenaga buruh dan aktiviti dengan nilai tambah yang rendah untuk menjana pendapatan.

Usahawan informal juga kurang kepintaran perniagaan, sekali gus menghadkan keupayaan mereka untuk membangunkan strategi perniagaan yang berkesan untuk bersaing di pasaran, terutamanya dalam fasa pasca-pandemik ini. Tambahan pula, ramai usahawan yang tidak berdaftar menjalankan perniagaan di gerai atau kawasan yang tidak kondusif hanya kerana mereka ingin mengelak daripada membayar kos sewa komersial.

### Kurang pengetahuan dan kesedaran perniagaan

“Kurang pengetahuan” merujuk kepada situasi di mana usahawan tidak mempunyai maklumat yang diperlukan atau pengetahuan tentang proses pemformalan disebabkan tidak mendapat pendidikan dan pendedahan yang mencukupi. Hal ini lazimnya berlaku di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai akses yang mencukupi kepada garis panduan mengenai keperluan undang-undang untuk pemformalan.

“Kurang kesedaran” sebaliknya, merujuk kepada situasi di mana usahawan mungkin mempunyai pengetahuan mengenai pemformalan, tetapi tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan perkara tersebut. Hal ini mungkin disebabkan oleh tidak ada satu buku rujukan atau panduan yang jelas untuk membina kesedaran dan menyebar luas manfaat pemformalan. Justeru, ia menyebabkan ramai usahawan informal tiada dorongan untuk mendaftar, terutamanya usahawan yang beroperasi dari lokasi tidak formal seperti di tepi jalan dan secara dalam talian.




### 3. Kurang kemampuan dan sumber perniagaan (modal, buruh, infrastruktur)

Isu kekurangan sumber perniagaan ini boleh dikaitkan dengan kelayakan pembiayaan dan bantuan kerajaan untuk usahawan informal yang terhad. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2018, kira-kira 50.0% usahawan informal memulakan perniagaan mereka dengan modal permulaan daripada wang simpanan peribadi atau institusi kewangan bukan perbankan yang mana kebanyakan pasaran swasta menawarkan nilai yang secara amnya lebih kecil jumlahnya dan lebih tinggi daripada kadar faedah pasaran. Malah, hanya 44% daripada usahawan berjaya mendapatkan modal permulaan melebihi RM10,000, sekali gus menghadkan keupayaan mereka untuk membangun dan berkembang.

Di samping itu, usahawan informal juga tidak dapat menarik minat tenaga kerja berkemahiran, memandangkan kebanyakan pekerja yang layak lebih cenderung terhadap pekerjaan formal. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas usahawan informal, 54.0% berhadapan cabaran untuk mengekalkan pekerja, manakala 73.0% menyatakan sama ada tidak tahu atau tidak pernah memohon sebarang bantuan semasa pandemik COVID-19 disebabkan kurangnya pengetahuan dan kesedaran tentang peruntukan yang ada. Bagi usahawan informal di kawasan luar bandar pula, pembangunan mereka turut terencat disebabkan infrastruktur jalan raya dan internet yang lemah.


**Rajah 3-2: Modal Permulaan dalam kalangan Usahawan Informal**

Sumber: Bank Negara Malaysia, 2018



**Rajah 3-3: Cabaran yang dihadapi Usahawan Informal**

Sumber: Analisis Soal Selidik Perunding, 2022







### 1. Peraturan dan kerumitan proses pendaftaran

#### Pendaftaran secara manual dengan Pihak Berkuasa Tempatan menghalang kecekapan pentadbiran


Selain daripada pendaftaran perniagaan, terdapat juga keperluan untuk usahawan mendapatkan lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan operasi, menyewa/memiliki ruang perniagaan dan pengiklanan. Walau bagaimanapun, kira-kira 25% daripada usahawan menyatakan permohonan untuk mendapatkan lesen daripada PBT adalah mencabar. Kebanyakan PBT masih memerlukan usahawan untuk hadir secara fizikal di pejabat dan mengisi borang permohonan secara manual. Walaupun sesetengah PBT telah menyediakan borang permohonan dalam talian, dokumen tersebut mungkin masih memerlukan serahan secara fizikal yang mana ia mewujudkan halangan tambahan kepada usahawan informal, terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar. Proses manual ini membebankan usahawan ditambah lagi dengan kos pelesenan yang dikenakan.

#### Peraturan yang terhad bagi mengawal selia pemformalan usahawan “home-based”

Peningkatan penggunaan teknologi pendigitalan telah menyebabkan pertumbuhan bilangan usahawan yang berniaga dari rumah (*home-based*). Hal ini menjadi cabaran kepada pihak berkuasa untuk mengawal selia pemformalan usahawan memandangkan setakat ini masih belum ada tatacara yang diseragamkan untuk menangani perkara ini. Walaupun terdapat beberapa PBT yang telah merangka undang-undang tempatan dan peraturan berkaitan untuk mengawal selia perniagaan dari rumah, masih wujud keperluan untuk menyelaraskan

#### Rajah 3-4: Persepsi Usahawan Terhadap Proses Permohonan Pelesenan Negeri

Sumber: Analisis Soal Selidik Perunding, 2022



panduan tersebut untuk dilaksanakan sepenuhnya oleh semua PBT di seluruh negara. Usahawan yang berniaga dari rumah ini membentuk kira-kira separuh daripada populasi usahawan informal, yang mana pakar industri menjangkakan bilangan ini akan terus meningkat pada masa hadapan seiring dengan perkembangan perniagaan dalam talian.



### 2. Tidak cukup pengetahuan tentang manfaat pemformalan

#### Keuntungan jangka masa pendek yang lebih tinggi dengan mengekalkan status informal


Kebanyakan usahawan informal enggan mendaftarkan perniagaan kerana mereka memperoleh purata keuntungan jangka masa pendek yang lebih tinggi berbanding perniagaan formal. Berdasarkan soal selidik Bank Negara Malaysia pada tahun 2018, purata keuntungan perniagaan tidak berdaftar ialah 17.7%, berbanding 16.1% yang diperoleh PMKS berdaftar. Hal ini disebabkan mereka tidak perlu membayar cukai dan kos lesen. Di samping itu, kira-kira 62% daripada pemilik perniagaan tidak berdaftar memperoleh purata keuntungan bulanan antara RM 2,000 hingga RM 8,000.

Lebih membimbangkan, soal selidik tersebut juga mendedahkan bahawa hanya 6% daripada usahawan informal berhasrat untuk mendaftarkan perniagaan mereka dalam tempoh dua tahun akan datang. Antara sebabnya termasuklah bimbang kehilangan manfaat kebajikan, keengganan untuk mematuhi cukai dan merasa kurang mendapat faedah daripada pemformalan.

Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah mengubah persepsi tersebut. Soal selidik terkini yang dijalankan pada tahun 2022 mendapati 63% usahawan informal menunjukkan kesedaran yang lebih tinggi tentang manfaat pemformalan seperti kelayakan untuk menerima bantuan pemulihan perniagaan daripada kerajaan.


#### Rajah 3-5: Keuntungan Bulanan Dalam Kalangan Usahawan Informal

Sumber: Bank Negara Malaysia, 2018



#### Rajah 3-6: Persepsi berkenaan Peningkatan Kesedaran terhadap Manfaat Pemformalan disebabkan Pandemik

Sumber: Analisis Soal Selidik Perunding, 2022





### 3. Persepsi tentang beban perundangan dan hilang manfaat peribadi

#### Persepsi kerugian akibat pemformalan

Usahawan informal melihat pemfailan cukai sebagai satu beban kepada pendapatan mereka. Usahawan informal yang lebih berusia pula tidak melihat keperluan atau manfaat daripada pemformalan memandangkan mereka telah selesa dengan saiz operasi perniagaan masing-masing bagi mengelak pengawasan daripada pihak berkuasa. Dalam kalangan usahawan formal, ramai yang menyatakan kesukaran untuk memenuhi keperluan kewangan semasa pandemik, sekali gus menyebabkan mereka kembali beroperasi secara informal untuk mendapat fleksibiliti harga pada jangka masa pendek. Dalam kalangan usahawan B40, ramai antara mereka yang mengelak daripada pemformalan kerana bimbang akan hilang kelayakan untuk menerima bantuan tunai kerajaan. Oleh itu, satu skim keselamatan sosial yang lebih holistik diperlukan untuk menyediakan jaringan keselamatan kepada usahawan berpendapatan rendah ini.

#### Pendaftaran lesen tempatan dan cukai dianggap terlalu membebankan

Proses pelesenan perniagaan untuk lesen tempatan dilihat terlalu rumit dan membebankan. Sebanyak 44% dan 37% usahawan informal bersetuju bahawa kadar bayaran dan keperluan dokumentasi bagi pendaftaran menjadi halangan kepada mereka untuk mendaftarkan perniagaan. Hal ini disebabkan oleh kekurangan panduan dalam membantu pemohon melalui proses pelesenan dan pemformalan. Selain itu, turut dinyatakan bahawa panduan am yang tidak mencukupi merupakan faktor penyumbang utama kepada persepsi negatif dalam kalangan usahawan informal.

#### Rajah 3-7: Soal Selidik Usahawan Informal

Sumber: Analisis Soal Selidik Perunding, 2022

**44.4%** bersetuju kadar bayaran..



**37%** bersetuju dokumentasi..



**42%** bersetuju proses perundangan..



**...telah menjadi penghalang terhadap proses pendaftaran usahawan informal**



# 1. Tiada perbezaan dalam keupayaan operasi perniagaan semasa pendaftaran sebagai “Enterprise”

## Pendaftaran perniagaan sebagai perniagaan milikan tunggal atau perkongsian

Kebanyakan usahawan informal lebih cenderung untuk mendaftarkan perniagaan mereka sebagai milikan tunggal atau perkongsian kerana secara relatif kos pendaftarannya lebih rendah berbanding mendaftar sebagai syarikat.

Ketiadaan sebarang bentuk had daripada aspek kawal selia aset, hasil dan ambang pendapatan yang membezakan antara perniagaan milikan tunggal dan syarikat sendirian berhad di Malaysia, telah menyebabkan kebanyakan usahawan tidak mendaftar ataupun menaiktaraf status perniagaan mereka.

Daripada perspektif dasar, tiada perbezaan yang jelas antara perusahaan bernilai tinggi dan rendah semasa pendaftaran kerana kedua-dua entiti diklasifikasikan dalam kategori yang sama.

## Usahawan tani terlibat dalam koperasi kurang cenderung memformalkan perniagaan

Usahawan tani yang mengusahakan tanaman dan ternakan secara persendirian kebiasaannya berdaftar sebagai ahli di bawah pelbagai koperasi, yang mana Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah pihak berkuasa pelesenan yang rasmi.

Namun, tiada syarat pendaftaran perniagaan dikenakan kepada usahawan tani ini untuk berniaga di pasar tani. Oleh yang demikian, kebanyakan mereka masih lagi beroperasi dalam ekonomi informal di peringkat hiliran dan kurang cenderung mendaftarkan perniagaan. Usahawan tani seharusnya diberikan insentif untuk mendapatkan pensijilan dalam aktiviti pemprosesan makanan hiliran seperti Sijil Pengendalian Makanan atau Sijil Pemprosesan Nutrisi.

Kebanyakan usahawan tani industri hiliran juga tidak mempunyai pemahaman yang mencukupi tentang amalan pembuatan yang baik (*Good Manufacturing Practice*) dan cara mendapatkan pensijilan yang betul.



### 2. Data usahawan informal yang tidak lengkap dan tidak bersepadu

#### Kurang kerangka dasar data yang holistik

Terdapat jurang dalam perkongsian dan penyelarasan data usahawan informal merentasi agensi kerajaan. Selain itu, pemprosesan data yang dibuat secara manual di peringkat tempatan juga memperlahankan proses penggubalan dasar, seterusnya mengehendakkan keberkesanannya.

Kebanyakan usahawan informal secara semula jadi dan usahawan informal eksperimental lebih cenderung untuk kekal tidak dikesan oleh pihak berkuasa disebabkan kekurangan ekosistem pertumbuhan yang berstruktur yang mengutamakan perkembangan ke arah menjadi sebuah perusahaan berdaftar sepenuhnya.

Pada masa ini terdapat kekurangan infrastruktur sokongan “berasaskan sistem” untuk usahawan informal, di mana secara tradisinya, kaedah sokongan “berasaskan kewangan” lebih banyak disediakan. Hal ini mungkin memberi nilai pada peringkat awal namun keberkesanannya semakin berkurang daripada semasa ke semasa.

#### Kurang rujukan sehenti untuk usahawan informal

Satu pusat rujukan yang menyatukan pelbagai sumber maklumat khusus untuk usahawan informal masih belum wujud pada masa ini. Hal ini telah menyebabkan proses penyebaran maklumat kurang berkesan dan sedikit sebanyak menyukarkan proses menerapkan pemikiran mengenai pentingnya pemformalan perniagaan dalam kalangan usahawan informal.

Walaupun terdapat pelbagai agensi kerajaan dan laman sesawang yang boleh dijadikan sebagai pusat rujukan sehenti bagi penyaluran maklumat dan panduan kepada usahawan informal, lebih banyak penyelarasan dan perkongsian data diperlukan untuk memastikan kumpulan sasar yang tepat dalam kalangan usahawan informal diberikan tumpuan yang sepatutnya.



## 3. Pendekatan yang kurang efektif dalam memberikan bantuan kepada usahawan informal berpendapatan rendah

### Penyelarasan antara agensi kerajaan

Pada masa ini, tiada satu entiti/agensi kerajaan yang secara khususnya memberi fokus terhadap usahawan informal. Kebanyakan agensi Kerajaan menyediakan program pembangunan keusahawanan kepada usahawan mikro, formal dan informal dalam kapasiti yang lebih umum. Ia berpotensi menyebabkan berlakunya pertindihan peranan dan tanggungjawab kerana tiada mekanisme kawalan berpusat untuk menyelaraskan program dan inisiatif untuk usahawan mikro dan usahawan informal. Dalam hal ini, Kerajaan juga perlu menanggung perbelanjaan pentadbiran yang lebih tinggi kerana usahawan berpotensi untuk memohon berbilang geran secara serentak dengan mana-mana agensi, mengakibatkan penggunaan dana awam yang tidak cekap. Ia juga mewujudkan budaya kebergantungan kepada bantuan kerajaan dalam kalangan usahawan dan bukannya pembangunan keusahawanan secara organik atau semulajadi.


### Mekanisme terhad untuk mengesahkan penerima bantuan tunai

Usahawan informal berpendapatan rendah adalah kumpulan yang paling memerlukan bantuan kerajaan untuk mengharungi impak pandemik dan bencana alam. Malah, 72% daripada usahawan informal menyatakan bahawa pemberian bantuan tunai boleh menggalakkan pemformalan. Walau bagaimanapun, kebergantungan yang tinggi terhadap data yang mungkin tidak dikemaskini boleh

menyebabkan bantuan kerajaan diberikan kepada kumpulan sasar yang salah. Kekurangan perkongsian data dengan persatuan perniagaan yang merupakan entiti paling hampir dengan usahawan informal turut menyumbang kepada jurang data untuk kumpulan ini. Akibatnya, ramai usahawan informal tidak mendapat liputan dan bantuan daripada pakej rangsangan ekonomi yang disediakan semasa pandemik sebelum ini.

### Rajah 3-8: Persepsi Terhadap Bantuan Tunai Sebagai Insentif Pemformalan

Sumber: Analisis Soal Selidik Perunding, 2022



# Rumusan

Isu dan cabaran yang menghalang pemformalan perniagaan termasuk dalam spektrum di antara keupayaan terhad dan kekurangan dorongan untuk mendaftarkan perniagaan usahawan informal. Walaupun isu yang dikenal pasti kekal terpakai merentas pelbagai kategori usahawan informal, beberapa isu lebih ketara bagi kategori tertentu berbanding kategori yang lain. Sehubungan itu, pembangunan Pelan Pemformalan Usahawan Informal adalah tepat pada masanya untuk menangani

isu pemformalan dengan berkesan dan memacu usaha Kerajaan dalam menggalak dan menyokong pertumbuhan berterusan sektor keusahawanan di Malaysia. Pembangunan pelan ini mengambil kira isu dan cabaran yang lazim dihadapi oleh usahawan, justeru ia boleh menjadi contoh perubahan untuk menyokong peralihan perniagaan daripada informal kepada formal.

## Keperluan Untuk Berubah

1

### **Kesukaran mendapatkan bantuan kerajaan dan perlindungan sosial**

Usahawan informal tidak diiktiraf dan tidak mempunyai dokumentasi yang boleh mengesahkan kelayakan mereka untuk menerima bantuan kerajaan semasa kegawatan ekonomi. Selain itu, pekerja sektor informal secara umumnya tidak dilindungi di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP/EIS) yang disediakan oleh PERKESO, justeru meletakkan mereka dalam keadaan rentan semasa sebarang krisis berlaku.

### **Pengenalpastian kategori usahawan informal untuk menangani masalah penguatkuasaan**

Kepelbagaian motivasi usahawan informal menjalankan perniagaan perlu dikenalpasti sewajarnya (keperluan vs peluang). Oleh itu, pendekatan yang berbeza secara bersasar boleh dibangunkan untuk menangani pelbagai isu yang dihadapi oleh pelbagai kategori usahawan informal dengan lebih tepat.

2

3

### **Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif untuk menggalakkan pemformalan**

Usaha mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk menggalakkan pemformalan diperlukan selaras dengan pembangunan landskap keusahawanan yang dinamik. Hal ini termasuk memudahkan prosedur berkaitan pemformalan perniagaan melalui pendigitalan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih cekap.

### **Meningkatkan keterlihatan usahawan informal kepada Kerajaan**

Usahawan informal berdepan dengan kesukaran untuk mendapat akses pembiayaan dan menerima bantuan kewangan yang mencukupi kerana kerajaan tidak dapat mengesan kewujudan mereka, sekali gus menyebabkan kumpulan ini terpinggir daripada sebarang bantuan yang diberikan. Isu ini menjadi lebih ketara semasa berlakunya krisis dan kegawatan ekonomi.

4



#### BAB 4

# Peralihan daripada Usahawan Informal kepada Usahawan Formal

**“Menjadikan pendaftaran sebagai norma bagi  
perniagaan di Malaysia”**



Pelan Pemformalan Usahawan Informal dihasilkan untuk memudahkan lagi proses pemformalan perniagaan di Malaysia dengan menjadikan perniagaan berdaftar sebagai pilihan usahawan untuk beroperasi. Penyediaan Pelan Pemformalan ini telah mengambil kira isu dan cabaran yang dikenalpasti sepanjang proses pemformalan perniagaan.

Pelan Pemformalan ini terdiri daripada 3 objektif, 6 strategi dan 20 inisiatif. Inisiatif yang telah dikenalpasti telah disusun mengikut keutamaan berdasarkan kerumitan pelaksanaan dan impak yang disasarkan.

Tema

**Pemformalan Asas  
Perniagaan Mampan**



Matlamat

**Menjadikan pendaftaran  
sebagai norma bagi  
perniagaan di Malaysia**



Objektif



**Membangunkan ekosistem  
keusahawanan yang kondusif  
dan saling melengkapi bagi  
menggalakkan pemformalan  
perniagaan**



**Menghasilkan usahawan yang  
beretika dan berintegriti tinggi**



**Menyediakan perlindungan  
sosial yang lebih baik bagi  
pemilik perniagaan dan pekerja**

## 4.2 Kerangka Strategik Pemformalan

Bagi merealisasikan sepenuhnya potensi usahawan informal dalam ekonomi, Pelan Pemformalan Usahawan Informal telah menyediakan sokongan bagi proses peralihan usahawan informal ke arah menjadi entiti perniagaan formal dan berdaftar di Malaysia.

**Rajah 4-1: Pelan Pemformalan Usahawan Informal**



### 5 Prinsip Asas

Beberapa prinsip asas telah digunakan sebagai rujukan untuk membangunkan strategi dan bidang tumpuan. Prinsip ini telah dikenalpasti berdasarkan punca kepada isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan informal. Prinsip asas tersebut juga digunakan dalam membentuk enam (6) strategi bagi pelaksanaan Pelan Pemformalan Usahawan Informal dan dihuraikan dengan lebih lanjut seperti berikut :

1



#### Bersasar & Inklusif

Intervensi mestilah bersasar dan disesuaikan dengan kategori usahawan informal yang berbeza berdasarkan keperluan dan motivasi mereka dalam pemformalan

2



#### Pembangunan Holistik

Inisiatif untuk membangunkan usahawan informal hendaklah holistik mengambil kira semua aspek penambahbaikan

3



#### Insentif & Penguatkuasaan yang Seimbang

Strategi yang dibangunkan mestilah seimbang antara pemberian insentif dan penguatkuasaan

4



#### Memfaatkan Teknologi

Strategi hendaklah memanfaatkan teknologi untuk mengatasi kekangan yang wujud dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar

5



#### Kolaborasi Awam & Swasta

Pelaksanaan strategi dan inisiatif mesti dilakukan secara kolektif oleh agensi kerajaan dan juga institusi swasta seperti penyedia platform e-dagang dan persatuan perniagaan

## 4.4 Strategi & Inisiatif Pemformalan

Objektif bagi Strategi ini :



Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan saling melengkapi bagi menggalakkan pemformalan perniagaan



Menghasilkan usahawan yang beretika dan berintegriti tinggi



Menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik bagi pemilik perniagaan dan pekerja

### Strategi 1

## Meningkatkan kesedaran dan komunikasi berkesan tentang pemformalan perniagaan

Antara langkah utama bagi membangunkan ekosistem yang kondusif untuk usahawan ialah dengan mewujudkan sistem komunikasi yang berkesan merentas semua pemegang taruh di pelbagai peringkat. Ia diperlukan untuk mengenal pasti kaedah komunikasi yang sesuai untuk kategori usahawan informal terpilih (iaitu program jangkauan yang disediakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan usahawan luar bandar atau platform maya yang mudah diakses untuk penyebaran

maklumat yang disediakan untuk usahawan bandar). Selain itu, ketepatan dan kecepatan komunikasi maklumat yang disampaikan juga penting dan ini memerlukan kerjasama, pengetahuan dan kemahiran antara kerajaan yang kukuh dalam menyelaras dan menyampaikan maklumat. Pelan pelaksanaan yang jelas dan secara langsung untuk program komunikasi dan jangkauan juga merupakan faktor kejayaan utama strategi ini.

#### Inisiatif 1

Membangunkan Buku Panduan Rasmi sebagai rujukan bagi pendaftaran perniagaan dan pelesenan yang berkaitan serta manfaatnya.

**Petunjuk Prestasi Utama :**  
Pembangunan dan penerbitan “Buku Panduan Rasmi untuk Pemformalan Perniagaan”

#### Inisiatif 2

Mempertingkatkan program jangkauan menerusi kolaborasi strategik dengan pelbagai agensi pembangunan keusahawanan, pihak berkuasa tempatan, persatuan dan organisasi perniagaan.

**Petunjuk Prestasi Utama :**  
Peningkatan bilangan usahawan mendaftarkan perniagaan hasil program yang dilaksanakan

#### Inisiatif 3

Membangunkan pelan komunikasi bersasar dan holistik untuk setiap kategori usahawan informal menerusi pelbagai saluran dalam dan luar talian.

**Petunjuk Prestasi Utama :**  
Peningkatan bilangan perniagaan berdaftar

## 4.4 Strategi & Inisiatif Pemformalan

Objektif bagi Strategi ini :



Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan saling melengkapi bagi menggalakkan pemformalan perniagaan



Menghasilkan usahawan yang beretika dan berintegriti tinggi



Menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik bagi pemilik perniagaan dan pekerja

### Strategi 2

## Meningkatkan fasilitasi dalam proses pemformalan perniagaan

Fasilitasi dalam pendaftaran perniagaan memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, terutamanya dalam konteks keusahawanan informal. Melalui proses pendaftaran yang mudah diakses dan cekap, usahawan boleh memformalkan perniagaan mereka, mendapat akses kepada pembiayaan dan peluang pasaran serta seterusnya menyumbang kepada ekonomi formal. Bagi memudahcara proses peralihan usahawan informal

kepada perniagaan berdaftar, pihak berkuasa dan agensi penyelaras yang berkaitan perlu maklum tentang perkembangan terkini sektor informal dan mempunyai pemahaman yang mendalam tentang ekosistem sektor ini. Selain itu, peraturan bagi pendaftaran perniagaan merentasi semua agensi kerajaan juga harus diselaraskan dan diseragamkan untuk membolehkan kurikulum program yang komprehensif dibangunkan.

#### Inisiatif 4

Memudahkan usahawan informal dalam urusan pendaftaran dan pelesenan perniagaan menerusi kolaborasi dengan persatuan perniagaan dan pertubuhan swasta.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan usahawan mendaftarkan perniagaan hasil dari program yang dilaksanakan

#### Inisiatif 5

Memanfaatkan agensi / institusi Persekutuan dan Negeri sedia ada sebagai pusat perhubungan di peringkat tempatan dan akar umbi untuk meningkatkan fasilitasi bagi proses pendaftaran perniagaan.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Penubuhan pusat sehenti bagi pendaftaran dan pelesenan perniagaan

#### Inisiatif 6

Memasukkan modul berkaitan pendaftaran perniagaan ke dalam program pembangunan usahawan bagi usahawan baharu atau bakal usahawan.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan usahawan mendaftarkan perniagaan hasil dari program yang dilaksanakan

## 4.4 Strategi & Inisiatif Pemformalan

Objektif bagi Strategi ini :



Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan saling melengkapi bagi menggalakkan pemformalan perniagaan



Menghasilkan usahawan yang beretika dan berintegriti tinggi



Menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik bagi pemilik perniagaan dan pekerja

Strategi  
3

### Meningkatkan kompetensi dan keupayaan usahawan informal ke arah pemformalan perniagaan

Usahawan informal kebiasaannya mempunyai kekurangan kemahiran keusahawanan yang sering menyebabkan mereka tidak layak menerima geran dan bantuan perniagaan daripada kerajaan serta tidak dapat bersaing dalam pasaran. Oleh itu, pendekatan pembangunan yang bersasar dan berasaskan kemahiran diperlukan untuk membangunkan usahawan informal yang mempunyai potensi pertumbuhan perniagaan dalam jangka masa panjang. Pendekatan yang holistik ini membolehkan mereka meningkatkan peluang kelangsungan perniagaan

dan seterusnya dapat berkembang menjadi sebuah perniagaan berdaftar, meningkatkan taraf hidup dan faedah ekonomi. Pembangunan usahawan informal ini memerlukan sokongan kerjasama awam dan swasta yang tinggi bagi membolehkan penyampaian kurikulum yang berstruktur dalam membangunkan kompetensi usahawan informal. Di samping itu, sumber dan dana yang khusus juga diperlukan untuk memperhalusi peluang pembangunan dan menyediakan perkhidmatan sokongan yang wajar kepada usahawan informal ke arah pemformalan perniagaan.

#### Inisiatif 7

Menyediakan program khusus dan sokongan yang disesuaikan dengan keperluan usahawan informal untuk mempertingkatkan kapasiti dan produktiviti ke arah pemformalan perniagaan.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan usahawan mendaftarkan perniagaan hasil dari program yang dilaksanakan

#### Inisiatif 8

Menyediakan peluang pembangunan perniagaan kepada usahawan informal untuk menggalakkan pemformalan perniagaan dan mengelakkan usahawan daripada kembali menjadi informal.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan usahawan mendaftarkan perniagaan hasil dari program yang dilaksanakan

#### Inisiatif 9

Menggalakkan kolaborasi strategik bersama penyedia platform e-dagang untuk meningkatkan pembangunan kapasiti dan keupayaan usahawan informal ke arah pemformalan perniagaan.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan usahawan dalam talian mendaftarkan perniagaan

## 4.4 Strategi & Inisiatif Pemformalan

Objektif bagi Strategi ini :



Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan saling melengkapi bagi menggalakkan pemformalan perniagaan



Menghasilkan usahawan yang beretika dan berintegriti tinggi



Menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik bagi pemilik perniagaan dan pekerja

### Strategi 4

## Menyediakan insentif untuk pemformalan perniagaan

Bagi menangani isu informal yang berterusan dalam sektor perniagaan, adalah amat penting untuk menyediakan insentif bagi pendaftaran perniagaan meliputi manfaat fiskal dan bukan fiskal. Salah satu cabaran utama dalam hal ini ialah pemikiran yang berleluasa bahawa pendaftaran akan memberikan beban tambahan kepada usahawan. Oleh yang demikian, manfaat yang seimbang boleh ditawarkan secara strategik dan berstruktur untuk mengurangkan beban usahawan dengan berkesan. Namun begitu, peruntukan insentif ini adalah sukar untuk dilaksanakan. Oleh itu, peruntukan pembiayaan secara langsung dan jelas diperlukan daripada peringkat persekutuan, serta disokong dengan strategi kerjasama awam dan swasta yang bersepadu dalam meningkatkan akses kredit kepada usahawan yang baharu sahaja diformalkan.

#### Inisiatif 10

Memudahkan akses kepada pembiayaan menerusi Skim Jaminan Pinjaman dengan mensyaratkan keperluan untuk mendaftar perniagaan dalam tempoh masa ditetapkan.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan usahawan mendaftarkan perniagaan melalui skim insentif yang disediakan

#### Inisiatif 11

Menyediakan Skim Insurans Mikro pada kadar premium yang rendah untuk menggalakkan pemformalan perniagaan.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan usahawan mendaftarkan perniagaan melalui Skim Insurans Mikro yang diperkenalkan

#### Inisiatif 12

Memperkenalkan insentif percukaian untuk usahawan informal dalam membantu peralihan mereka ke arah pemformalan perniagaan.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan usahawan mendaftarkan perniagaan melalui skim insentif yang disediakan

#### Inisiatif 13

Menyediakan “pakej manfaat” pendaftaran perniagaan meliputi insentif fiskal dan bukan fiskal selari dengan program pembangunan perniagaan bagi usahawan informal terpilih.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan usahawan mendaftarkan perniagaan melalui skim insentif yang disediakan

## 4.4 Strategi & Inisiatif Pemformalan

Objektif bagi Strategi ini :



Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan saling melengkapi bagi menggalakkan pemformalan perniagaan



Menghasilkan usahawan yang beretika dan berintegriti tinggi



Menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik bagi pemilik perniagaan dan pekerja

### Strategi 5

## Menyediakan kerangka perundangan dan penguatkuasaan yang menyokong pemformalan perniagaan

Pendigitalan telah membolehkan akses kepada pelbagai bentuk keusahawanan, namun keterlihatan menjadi isu penting yang menghadkan bantuan dan sokongan kerajaan diagihkan kepada usahawan informal yang memerlukan. Syarat yang berbeza-beza dikenakan oleh PBT dan pihak berkuasa negeri kepada usahawan yang berniaga dari rumah (*home-based*) dan secara dalam talian (*online*), ditambah lagi dengan sistem pengumpulan data yang tidak berpusat telah menjadikan wujudnya keperluan untuk mempermudah proses pendaftaran kepada satu pangkalan data bersepadu bagi peningkatan kecekapan yang optimum. Walau bagaimanapun, pengintegrasian ini hanya boleh dilakukan menerusi mekanisme pelaksanaan, kerangka perundangan dan pelan komunikasi yang bersepadu dengan sokongan daripada kerajaan persekutuan. Agensi dan pihak berkuasa juga harus dilengkapi dengan pengetahuan yang holistik dan inklusif mengenai undang-undang buruh dan perlindungan sosial untuk memudahcara usahawan formal dan informal serta pihak pemegang taruh yang berkaitan ke arah pemformalan perniagaan.

#### Inisiatif 14

Membangunkan kerangka perundangan yang kukuh dalam menyokong peralihan ke arah pemformalan dan perlindungan sosial yang efektif bagi usahawan informal.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Kerangka perundangan yang komprehensif dibangunkan

#### Inisiatif 15

Memperkenalkan lesen khas bagi kategori usahawan informal terpilih.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Lesen khas diperkenalkan

#### Inisiatif 16

Memanfaatkan teknologi bagi menggalakkan pematuhan undang-undang dalam pemformalan perniagaan.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan perniagaan berdaftar

#### Inisiatif 17

Mewujudkan ketersambungan maklumat yang komprehensif dengan menyenaraikan platform pendaftaran perniagaan di laman web kementerian dan pihak berkuasa tempatan.

##### Petunjuk Prestasi Utama :

Peningkatan bilangan perniagaan berdaftar



## 4.4 Strategi & Inisiatif Pemformalan

Objektif bagi Strategi ini :



Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan saling melengkapi bagi menggalakkan pemformalan perniagaan



Menghasilkan usahawan yang beretika dan berintegriti tinggi



Menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik bagi pemilik perniagaan dan pekerja

### Strategi 6

## Memperkuh sistem tadbir urus dan pemantauan bagi usaha pemformalan perniagaan

Kejayaan dalam mencapai objektif pelan ini adalah bergantung kepada pencapaian dalam kedua-dua peringkat proses pembangunan dan pelaksanaan strategi. Pelaksanaan strategi ini memerlukan kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak, sama ada sektor awam dan swasta. Bagi melindungi kepentingan setiap pemegang taruh, adalah penting untuk mewujudkan satu sistem pemantauan yang berkesan untuk mengukur dan mengawal prestasi setiap inisiatif yang dilaksanakan.

Pemilihan keahlian Jawatankuasa Bertindak dan Platform Perundingan Awam hendaklah dibuat dengan teliti dan bersesuaian. Selain itu, sumber peruntukan dan infrastruktur yang khusus juga perlu disediakan bagi membolehkan sistem pemantauan berasaskan ICT dilaksanakan dengan berkesan untuk menyokong keseluruhan pelaksanaan dan pemantauan Pelan Pemformalan ini.

#### Inisiatif 18

Mewujudkan Jawatankuasa Bertindak untuk menilai dan memantau keberkesanan program, inisiatif dan intervensi penformalan perniagaan.

**Petunjuk Prestasi Utama :**  
Penubuhan Jawatankuasa Bertindak

#### Inisiatif 19

Membangunkan pangkalan data usahawan informal yang bersepadu daripada pelbagai sumber agensi kerajaan dan pihak swasta.

**Petunjuk Prestasi Utama :**  
Pembangunan pangkalan data bersepadu untuk usahawan informal

#### Inisiatif 20


Menjalankan pemantauan berkala ke atas individu yang mempunyai aktiviti perbankan yang tinggi berdasarkan maklumat daripada agensi penguatkuasaan dalam mengesan dan mengenalpasti usahawan informal.

# Rumusan

Pembangunan strategi dan inisiatif untuk menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan informal diperoleh daripada pemahaman terhadap landskap sektor informal, analisis amalan baik, bidang tumpuan yang dikenal pasti dan penjarangannya dengan dasar nasional mengenai keusahawanan. Pelan Pemformalan Usahawan

Informal menyediakan pendekatan bersasar yang disesuaikan untuk menyelesaikan isu dan cabaran yang berkaitan dengan pemformalan usahawan informal melalui enam (6) strategi utama seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah :

**Rajah 4-2: Pemetaan Komponen Isu dengan Strategi Pelan Pemformalan**



Isu pemformalan merentasi kategori usahawan informal yang berbeza	Strategi 1	Strategi 2	Strategi 3	Strategi 4	Strategi 5	Strategi 6
<b>Komponen Isu 1: Kurang Berpandangan Jauh Tentang Potensi Pemformalan Perniagaan</b>						
Kurang cara fikir tentang pembangunan perniagaan secara formal disebabkan pengalaman yang berat sebelah ( <i>familiarity bias</i> ) dan sikap terhadap risiko	✓	✓	✓			
Kurang strategi perniagaan dan pengetahuan tentang pengurusan perusahaan		✓	✓			
Kurang kemampuan dan sumber perniagaan (modal, buruh, infrastruktur)			✓	✓		
<b>Komponen Isu 2: Kurang Dorongan Dan Motivasi Untuk Memformalkan Perniagaan</b>						
Peraturan dan kerumitan proses pendaftaran	✓	✓			✓	
Tidak cukup pengetahuan tentang manfaat pemformalan	✓	✓				
Persepsi tentang beban perundangan dan hilang manfaat peribadi	✓	✓			✓	
<b>Komponen Isu 3: Sokongan Dan Bantuan Yang Terhad Dalam Kerangka Polisi Awam</b>						
Tiada perbezaan dalam keupayaan operasi perniagaan semasa pendaftaran sebagai “Enterprise”		✓	✓	✓	✓	
Data usahawan informal yang tidak lengkap dan tidak bersepadu						✓
Pendekatan yang kurang efektif dalam memberikan bantuan kepada usahawan informal berpendapatan rendah		✓			✓	✓

Enam (6) strategi utama ini disokong oleh pelaksanaan 20 inisiatif bagi membolehkan peralihan usahawan informal kepada perniagaan berdaftar dapat dilakukan secara strategik dan berkesan.

# Kesimpulan

# Kesimpulan

Keusahawanan dalam sektor informal di Malaysia mempunyai potensi yang signifikan dengan menyumbang kira-kira 2.4% hingga 5.3% kepada KDNK negara dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 6.3% penduduk. Oleh yang demikian, terdapat keperluan mendesak untuk menangani pembangunan usahawan informal dalam sektor ini melalui pelaksanaan Pelan Pemformalan Usahawan Informal yang bertujuan untuk menyokong dan menggalakkan pemformalan perniagaan usahawan informal. Dengan tema “Pemformalan Asas Perniagaan Mampan”, matlamat Pelan Pemformalan ini ialah untuk menjadikan pendaftaran sebagai norma bagi perniagaan di Malaysia. Objektif utama bagi Pelan Pemformalan ini ialah untuk :



**Membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan saling melengkapi bagi menggalakkan pemformalan perniagaan**



**Menghasilkan usahawan yang beretika dan berintegriti tinggi**



**Menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik bagi pemilik perniagaan dan pekerja**

Yang akan dicapai menerusi lima (5) prinsip asas utama berikut :



Pelan Pemformalan Usahawan Informal ini akan meningkatkan lagi kemampuan perniagaan, di samping menyediakan perlindungan perundangan dan sosial kepada usahawan agar kalis cabaran dan kekal berdaya tahan dalam menghadapi krisis dan ketidaktentuan ekonomi. Faktor kejayaan utama dalam pelaksanaan pelan ini ialah sokongan dan penglibatan agensi pembangunan keusahawanan dan pihak berkepentingan serta kesemua pemegang taruh dalam pembentukan strategi dan inisiatif yang telah dirangka.

# Penghargaan

1. Kementerian Kewangan
2. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
3. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
4. Kementerian Ekonomi
5. Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
6. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
7. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
8. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
9. Kementerian Belia dan Sukan
10. Kementerian Komunikasi dan Digital
11. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
12. Unit Penyelarasan Pelaksanaan
13. Jabatan Perangkaan Malaysia
14. Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak
15. Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah
16. TEKUN Nasional (TEKUN)
17. Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)
18. SME Corporation Malaysia (SME Corp.)
19. Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank)
20. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
21. Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)
22. Urban Development Authority Holdings Berhad (UDA)
23. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
24. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
25. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
26. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
27. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
28. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
29. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)
30. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
31. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
32. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
33. Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
34. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)
35. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO)
36. Majlis Daerah Tampin
37. Majlis Daerah Machang
38. Majlis Daerah Matu and Daro
39. Majlis Daerah Ranau
40. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
41. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
42. Majlis Bandaraya Shah Alam
43. Majlis Bandaraya Ipoh
44. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
45. Majlis Bandaraya Seberang Perai
46. Majlis Bandaraya Kuantan
47. Majlis Bandaraya Melaka Bandar Bersejarah

# Penghargaan

48. Majlis Bandaraya Alor Setar
49. Majlis Perbandaran Kangar
50. Majlis Perbandaran Jasin
51. Majlis Perbandaran Sandakan
52. Lembaga Bandaran Kudat
53. Perbadanan Putrajaya
54. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM)
55. Gabungan Persatuan–Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM)
56. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)
57. Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK)

# Glosari

<b>Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)</b>	KDNK ialah pengiraan nilai keseluruhan bagi pengeluaran kesemua penduduk negara yang menghasilkan unit pengeluaran dalam satu tempoh masa yang khusus, sebelum pengurangan bagi peruntukan untuk penggunaan modal tetap.
<b>Keusahawanan</b>	Keusahawanan merujuk kepada proses dinamik dalam mengenal pasti, mencipta, menilai dan/atau mengeksploitasi peluang perniagaan.
<b>Pekerjaan Informal</b>	Pekerjaan informal merujuk kepada status orang yang mempunyai pekerjaan yang bekerja untuk perusahaan / pertubuhan atau organisasi dalam sektor informal. Orang yang mempunyai pekerjaan diklasifikasikan mengikut: (1) Majikan, (2) Pekerja, (3) Bekerja Sendiri dan (4) Pekerja Keluarga Tanpa Gaji.
<b>Pendekatan Pendapatan</b>	Pendekatan pendapatan pula ialah pengiraan KDNK menggunakan pendapatan yang dijana oleh pengeluaran dengan mengambil kira bayaran kepada pekerja (COE), lebihan operasi kasar (GOS) dan cukai tolak subsidi.
<b>Pendekatan Pengeluaran</b>	Pendekatan pengeluaran merujuk kepada pengiraan KDNK dengan mengambil kira nilai tambah di setiap peringkat / komponen ekosistem sebagai sebahagian daripada aktiviti ekonomi keseluruhan
<b>Perusahaan</b>	Entiti yang diwujudkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan sama ada berorientasikan keuntungan ataupun bukan berorientasikan keuntungan secara individu dan berkumpulan.
<b>Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)</b>	PMKS ditakrifkan berdasarkan kriteria tertentu seperti nilai hasil jualan dan bilangan pekerja. Bagi sektor pembuatan, sesebuah perniagaan dikira PMKS sekiranya nilai hasil jualan tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200. Bagi sektor perkhidmatan dan sektor lain, PMKS dikira sebagai perniagaan dengan hasil jualan tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75.
<b>Sektor Informal</b>	Sektor informal meliputi perusahaan informal yang memenuhi kriteria berikut: <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kesemua atau sekurang-kurangnya satu barangan atau perkhidmatan bertujuan untuk jualan atau transaksi barter</li><li>2. Perusahaan tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana badan profesional termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan</li><li>3. Saiz pekerja kurang daripada 10 orang dan tidak berdaftar di bawah mana-mana perundangan nasional yang ditetapkan</li></ol>
<b>Usahawan</b>	Individu yang mengambil tanggungjawab dan risiko memulakan, membangunkan dan mengembangkan sesebuah perusahaan dengan menggembeleng sumber-sumber menjadi sesuatu yang mendatangkan hasil kekayaan dan/atau kesejahteraan sejagat.



# Akronim

<b>B2C</b>	Perniagaan kepada Pengguna
<b>B40</b>	Penduduk 40% terbawah mengikut pendapatan isi rumah
<b>DKN</b>	Dasar Keusahawanan Nasional
<b>DOSM</b>	Jabatan Perangkaan Malaysia
<b>EIS</b>	Sistem Insurans Pekerjaan
<b>EUR</b>	Euro
<b>FAMA</b>	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
<b>HBE</b>	Usahawan Dari Rumah
<b>ICT</b>	Teknologi Informasi dan Komunikasi
<b>ILO</b>	International Labour Organisation
<b>KDNK</b>	Keluaran Dalam Negeri Kasar
<b>KWSP</b>	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
<b>MCWIE</b>	Magna Carta for Workers in The Informal Economy
<b>NGO</b>	Badan Bukan Kerajaan
<b>PBT</b>	Pihak Berkuasa Tempatan
<b>PLT</b>	Perkongsian Liabiliti Terhad
<b>PMKS</b>	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

<b>RIF</b>	Regim Penggabungan Fiskal
<b>SARE</b>	Sistem Permulaan Perniagaan Pantas
<b>SOCISO</b>	Pertubuhan Keselamatan Sosial
<b>SSM</b>	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
<b>USD</b>	Dolar Amerika Syarikat

1. BNAmericas (2020, October 10). Likely end of Mexico's natural disaster fund could bring opportunities. Retrieved from: <https://www.bnamericas.com/en/news/insurance-sector-weighs-in-on-possible-elimination-of-mexico-natural-disaster-fund>
2. Cervantes, F.M. (2018, May 11). TRAIN law raises government revenue by 16.4% in Q1. Philippine News Agency. Retrieved from: <https://www.pna.gov.ph/articles/1035030>
3. DOSM. (2020). Informal Sector Work Force Survey Report, Malaysia, 2019. Department of Statistics Malaysia. Retrieved from: <https://dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=U0tMZmJudTkzNmhwjdjZFb2FmVWxOUT09>
4. DOSM. (2022). Informal Sector Work Force Survey Report, Malaysia, 2021. Department of Statistics Malaysia. Retrieved from: [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4-Press\\_Statement/2022/12.%20DISEMBER/STATISTIK%20SEKTOR%20INFORMAL%20DAN%20PEKERJAAN%20INFORMAL%2C%20MALAYSIA%2C%202021-COMBINE.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2022/12.%20DISEMBER/STATISTIK%20SEKTOR%20INFORMAL%20DAN%20PEKERJAAN%20INFORMAL%2C%20MALAYSIA%2C%202021-COMBINE.pdf)
5. EurWORK (2013). Start-up premium, Germany. Eurofund. Retrieved from: <https://www.eurofound.europa.eu/data/tackling-undeclared-work-in-europe/database/start-up-premium-germany>
6. ILO (2015). Transition from the Informal to Formal Economy: Recommendations. Retrieved from: <https://www.ilo.org/global/topics/employment-promotion/informal-economy/lang-en/index.htm>
7. Octavia, J. (2020, December 15). Building Back Better: COVID-19 and Informal Workers in Indonesia. London School Economics.
8. OECD (2015). Policy Brief on Informal Entrepreneurship. Retrieved from: [https://www.oecd.org/cfe/leed/Policy%20Brief%20on%20Informal%20Entrepreneurship\\_%20Entrepreneurial%20Activities%20in%20Europe.pdf](https://www.oecd.org/cfe/leed/Policy%20Brief%20on%20Informal%20Entrepreneurship_%20Entrepreneurial%20Activities%20in%20Europe.pdf)
9. OECD (2019). Scan of Reforms for Enhancing Business Environment in Mexico. OECD Regulatory Policy Division. Retrieved from: <https://search.oecd.org/gov/regulatory-policy/Scan-of-Reforms-for-Enhancing-Business-Environment-Mexico.pdf>
10. Partington, M. (2018, October 22). How A Government Initiative in Lisbon is Fostering Entrepreneurship. Startup Guide. Retrieved from: <https://startupguide.com/how-a-government-initiative-in-lisbon-is-fostering-entrepreneurship>
11. Q & A: Magna Carta of Women (Republic Act No. 9710). Retrieved from: <https://psa.gov.ph/content/q-magna-carta-women-republic-act-no-9710>



## **PELAN PEMFORMALAN USAHAWAN INFORMAL**

© Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

### **Hak Cipta Terpelihara**

Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia

### **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 Putrajaya, Malaysia